# Perkhidmatan Pengurusan Kes

# MENGENAI TELADOC HEALTH



**53,000+**
Pakar terkemuka di seluruh dunia

**450+**
Subkepakaran

**100M+**
Ahli

**500M+**
Interaksi kesihatan

**98%**
Tahap kepuasan

**26+**
Tahun pengalaman

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL

**Dengan rangkaian Perkhidmatan Pengurusan Kes yang menyeluruh daripada Teladoc Health, pelanggan PruBSN boleh mendapatkan sokongan berkualiti tinggi yang diperibadikan mengikut keperluan masing-masing.**

| Teladoc Health | | Anda Akan Menerima |
|---|---|---|
| **Pendapat Pakar Perubatan**<br>· Lebih 53,000 pakar terkemuka<br>· Nasihat & pandangan dari multidisiplin<br>· Laporan perubatan menyeluruh | Sokongan Keputusan | **Panduan yang Tepat**<br>Pengesahan diagnosis dan penilaian pelan rawatan |
| **Perkhidmatan *Concierge* Perubatan**<br>· Rujukan kepada rangkaian doktor PruBSN<br>· Pengurusan janji temu | Navigasi | **Rawatan yang Bersesuaian**<br>Mengenal pasti doktor yang sesuai untuk rawatan |
| **Pemantauan**<br>· Akses tanpa had kepada Pengurus Kes Perubatan tempatan yang dikhaskan<br>· Sokongan untuk pesakit | Advokasi | **Ketenangan Fikiran**<br>Penerangan jelas sepanjang perjalanan rawatan |
| **Sokongan Berterusan**<br>· Susulan pemulihan<br>· Pemeriksaan proaktif bagi keperluan bantuan | Susulan | **Bimbingan Berterusan**<br>Sokongan yang konsisten |

Pengurus Kes Perubatan yang aktif berkhidmat dan berlesen tempatan

Bantuan Perkhidmatan *Concierge* Perubatan, jika diperlukan

Sokongan dan perkhidmatan susulan berterusan selagi diperlukan

# Sokongan Profesional Sepanjang Perjalanan Kesihatan Anda

Kami memahami bahawa membuat keputusan kritikal yang boleh mengubah kehidupan bukanlah sesuatu yang mudah, terutamanya apabila berdepan dengan keadaan kesihatan yang serius. Oleh itu, kami telah mempertingkatkan penawaran penjagaan kesihatan holistik kami dengan menjalin kerjasama bersama Teladoc Health untuk menyediakan sokongan serta bimbingan perubatan yang diperibadikan, dari peringkat diagnosis dan rawatan hinggalah ke proses pemulihan.

"Pakar onkologi saya mengesyorkan Imunoterapi. Adakah rawatan ini paling sesuai untuk saya? Adakah terdapat pilihan lain?"

**Teladoc Health: Semakan terperinci berdasarkan penyelidikan dan perkembangan terkini dalam bidang perubatan**

"Saya menerima diagnosis yang berbeza daripada beberapa doktor. Apakah yang perlu saya lakukan?"

**Teladoc Health: Akses kepada panel pakar-pakar multidisiplin untuk memberikan pandangan menyeluruh mengenai keadaan kesihatan anda**

"Pakar ortopedik mengesyorkan pembedahan. Bilakah masa yang sesuai untuk melakukannya?"

**Teladoc Health: Ketenangan fikiran melalui penerangan pelan rawatan yang jelas dan langkah seterusnya**

"Ada sesuatu yang tidak kena dengan jantung anak saya. Siapakah pakar kardiologi yang boleh saya percayai?"

**Teladoc Health: Cadangan pakar-pakar terkemuka di peringkat global**

"Saya baru menjalani kemoterapi. Apakah yang perlu saya pantau secara berterusan?"

**Teladoc Health: Akses tanpa had kepada Pengurus Kes Perubatan untuk nasihat dan sokongan berterusan**

# Bagaimana Perkhidmatan Pengurusan Kes Teladoc Health Berfungsi

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL

## 1 Hubungi Teladoc Health



- **Pendaftaran melalui** Portal: https://prumy.teladochealthasia.com/prubsn
  - **Waktu Perkhidmatan:** Isnin hingga Ahad, 9 pagi hingga 9 malam (kecuali cuti umum)
  - **Hotline** (panggilan suara sahaja)/ **WhatsApp** (mesej teks sahaja): 03 – 7890 7036
  - **E-mel:** prubsn@teladochealth.com
- Semakan kelayakan perkhidmatan
- Borang Kerahsiaan Maklumat Perubatan dan Persetujuan diperoleh daripada pelanggan

## 2 Pelantikan Pengurus Kes Perubatan

- Menghubungi pelanggan untuk memahami keadaan kesihatan
- Mengumpul maklumat dan laporan perubatan daripada pelanggan

## 3 Pengenalpastian Pakar Global yang Sesuai



- Laporan perubatan bebas termasuk pendapat perubatan kedua daripada pakar seluruh dunia

## 4 Pengurus Kes Perubatan



- Menyediakan laporan perubatan yang telah dikumpulkan bersama cadangan
- Menerangkan laporan secara terperinci kepada pelanggan
- Menjelaskan pilihan rawatan dan menyokong pelanggan dalam membuat keputusan rawatan yang objektif

## 5 Bantuan rujukan dan janji temu dengan rangkaian pakar perubatan yang sesuai, jika diperlukan

- Susulan serta panduan dan sokongan berterusan
- Menjawab semua pertanyaan perubatan sepanjang proses rawatan

# Keadaan Perubatan yang Layak untuk Perkhidmatan Pengurusan Kes

1. Kanser;
2. Penyakit neurologi;
3. Penyakit telinga, hidung dan tekak;
4. Penyakit mata dan oftalmologi;
5. Penyakit kardiovaskular;
6. Penyakit respiratori;
7. Penyakit gastroenterologi;
8. Penyakit hati;
9. Penyakit buah pinggang;
10. Keadaan urologi;
11. Penyakit endokrin;
12. Keadaan ortopedik;
13. Penyakit hematologi;
14. Penyakit metabolik;
15. Penyakit reumatologi dan imunologi;
16. Penyakit berjangkit termasuk HIV/AIDS;
17. Pembedahan kosmetik yang diperlukan secara perubatan;
18. Keadaan atau prosedur berkaitan kesuburan;
19. Keadaan obstetrik;
20. Penyakit seksual dan penyakit kelamin;
21. Keadaan pediatrik;
22. Obesiti;
23. Fasa pemulihan atau rehabilitasi strok;
24. Fasa pemulihan atau rehabilitasi akibat melecur teruk;
25. Keadaan perubatan dalam bidang pergigian;
26. Patologi gabungan;
27. Semua keadaan perubatan lain selain yang disenaraikan dalam Senarai Pengecualian

*Perkara Penting:*
Ujian, rawatan, prosedur, peranti atau ubat yang disyorkan mungkin dilindungi atau tidak dilindungi oleh PruBSN. Pelanggan dinasihatkan untuk mengesahkan perlindungan sijil dengan PruBSN sebelum meneruskan sebarang perkhidmatan.



# Keadaan Perubatan yang Dikecualikan

Pelanggan yang didiagnosis dengan keadaan berikut tidak layak untuk perkhidmatan ini:

1. Rawatan perubatan kecemasan;
2. Kemalangan;
3. Keadaan mendesak atau mengancam nyawa, seperti kemasukan ke unit rawatan rapi;
4. Masalah harian atau biasa seperti selesema, demam, atau ruam ringan;
5. Pengurusan penyakit kronik jangka panjang seperti hepatitis kronik, diabetes, tekanan darah tinggi dan kolesterol tinggi (kecuali komplikasi yang berkaitan);
6. Keadaan kesihatan mental seperti anoreksia atau bulimia, gangguan tidur berkaitan kesihatan mental, kebimbangan dan kemurungan.

*Nota:*
Bagi melayakkan diri untuk perkhidmatan ini, pelanggan yang layak perlu mempunyai rekod pertanyaan dan konsultasi perubatan terdahulu dengan sekurang-kurangnya seorang pengamal perubatan, termasuk diagnosis awal yang berkaitan dengan masalah perubatan berkenaan.

Teladoc HEALTH

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL